

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITMCPP)

# E-BULETIN ACIS UITMCPP



LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU

Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTMCPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTMCPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTMCPP.




EDISI  
2024



# **WAKAF ILMU**

# PENGURUSAN KEWANGAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT



Penulis: Ustazah Nurfahiratul Azlina binti Ahmad

Pensyarah Kanan ACIS UiTMCPP

**Pengurusan kewangan dan perancangan kewangan boleh membantu orang ramai berbelanja dan menyimpan wang secara berhemat. Dengan keadaan ekonomi yang semakin meruncing, perancangan dan pengurusan kewangan perlu dititikberatkan sebelum berbelanja.**

Ketua keluarga perlu merancang dan mengawal aliran kewangan dalam perbelanjaan bagi mengelakkan kepincangan dari aspek keperluan utama.

Penggunaan kredit yang terlalu banyak, kekurangan perancangan, perbelanjaan berlebihan, kemahiran membeli dan berbelanja yang lemah, gaji yang rendah, dan kekurangan pendidikan kewangan, serta kekurangan pengetahuan kewangan, telah mengakibatkan hutang yang besar bagi rakyat Malaysia.

Mengikut fakta rekod muflis, ia banyak berlaku akibat penggunaan kad kredit terutamanya dalam kalangan anak muda. Oleh itu, kesedaran, pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengurusan kewangan dalam kalangan pengguna perlu dipertingkatkan melalui kaedah pendidikan pengguna yang berkesan.

Jabatan Insolvensi Malaysia merekodkan 34,043 kes muflis dari 2019 hingga April 2023, dengan golongan belia di bawah 44 tahun paling terjejas. Peningkatan kebankrapan adalah disebabkan oleh kehidupan boros yang melebihi had mereka.

Orang ramai terjerumus ke dalam hutang yang besar akibat daripada perancangan kewangan yang lemah dan celik kewangan, yang membawa kepada kebankrapan, keretakan perkahwinan, tekanan jenayah, dan penderitaan peribadi.

Selain itu, rakyat Malaysia terdedah kepada pelbagai jenis penipuan maya kerana batasan celik kewangan rakyat Malaysia.

Berdasarkan portal Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), antara bentuk penipuan ialah pancingan data, kecurian identiti, penipuan tinjauan pendapat dan lain-lain lagi.

Pengurusan kewangan yang lemah disebabkan beberapa faktor seperti pendapatan kecil, perbelanjaan tidak teratur serta kurangnya motivasi dan disiplin menyebabkan seseorang individu itu gagal mengatur kewangannya dengan lebih baik.

Hal ini demikian kerana, budaya menabung dalam kalangan rakyat Malaysia masih kurang dan kurang dipupuk dan diambil cakna. Ianya disebabkan sebahagian daripada rakyat yang bekerja sebagai penjawat awam menganggap mereka sudah ada pencen tatkala mereka telah bersara.

Manakala bagi pekerja swasta pula, mereka beranggapan bahawa simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sudah mencukupi untuk menyara mereka pada masa akan datang. Secara langsung, stigma tersebut telah mendorong rakyat untuk tidak menjadikan budaya menabung sebagai perkara penting dalam kehidupan mereka terutama persediaan apabila berlaku situasi luar jangka.

Di samping itu juga, kebanyakan rakyat Malaysia sudah terbiasa dan sangat berminat untuk membuat pinjaman peribadi dan pelbagai jenis pinjaman daripada institusi perbankan atau agensi pemberi dana lain untuk mendapatkan wang dengan jangka masa yang lebih cepat dan mudah berbanding menyimpan dan menabung.

Namun, apabila berlaku situasi kecemasan yang mengejutkan, kebanyakannya lebih mengharapkan bantuan dan subsidi kerajaan disebabkan simpanan mereka tidak mencukupi untuk bertahan dalam tempoh yang panjang.

**Perkara ini jelas menunjukkan bahawa pentingnya untuk rakyat terus dididik dan didekahkan dengan ilmu, kemahiran dan budaya menyimpan dan menguruskan harta dan kewangan agar dapat menjamin kelangsungan hidup yang sejahtera.**





جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Islam  
Kontemporari

## PENERBIT

### Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)  
CAWANGAN PULAU PINANG  
KAMPUS PERMATANG PAUH  
13500 PERMATANG PAUH  
PULAU PINANG**



[https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder  
?view=page&id=95](https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95)



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.